

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
1928 - 1938

oleh

HAMIDON BIN ABDUL AZIZ

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

MALAYSIA

1973/1974

Kempen

Kertas kerja ini adalah hasil dari penelitian yang dibuat selama dua minggu di Arkib Negara Dewan Bahagian Negeri Johor, Kuala Lumpur.

Pada mulanya, tajuk saya merupakan sejurus makalah.

Tetapi, disebabkan oleh jangka masa yang terlalu singkat saya telah
HHR 301 : Practicum on Local Historical
berpakaian memaksa kepada tajuk makalah yang bersempadan
Problems of Malaysia

Tajuk : Perkembangan Pendidikan Negeri Johor (1928-1938)

Nama Jata Pengawas : Professor Shahrom Ahmat

Tajuk Penulis : Hamidon bin Abdul Aziz

Maklumat dan makalah ini semoga boleh memberi bantuan yang telak

Dengan harap kerja yang ringkas ini dapat memberi gambaran
sepintas laju tentang sebahagian daripada perkembangan pendidikan di
negeri Johor. Sekian.

Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.

30hb Januari, 1974.

Penulis

Katapendahuluan

Kertaskerja ini adalah hasil dari penyelidikan yang dibuat selama dua minggu di Arkib Negara Cawangan Selatan di Johor Baru.

Pada mulanya, tajuk saya merupakan Sejarah Daerah Muar. Tetapi, disebabkan oleh jangka masa yang terlalu singkat saya telah terpaksa menukar kepada tajuk yang lebih khusus. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Professor Shahrom Ahmat yang telah membenarkan saya menukar kepada tajuk Perkembangan Pendidikan di negeri Johor (1928-1938) itu. Ucapan ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada kakitangan Arkib Negara Cawangan Selatan yang telah menolong dan membolihkan saya menulis kertas kerja ini.

Semoga kertas kerja yang ringkas ini dapat memberi gambaran sepintas lalu tentang sebahgian daripada perkembangan pendidikan di negeri Johor. Sekian.

Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.

30hb Januari, 1974.

Penulis

Isi: Perkembangan Pendidikan Negeri Johor
(1928-1938)

Bat

Muka Surat

Katapendahuluan	1
Pendahuluan	2
I Latar Belakang Sejarah	3 - 5
II Situasi Pendidikan pada tahun 1927	6 - 10
III Situasi Pendidikan pada tahun 1928	11 - 18
IV Situasi Pendidikan pada tahun 1929	19 - 23
V Perkembangan Pendidikan pada tahun 1930an	24 - 36
VI Ruraian ringkas	37 - 39
VII Penutup	40 - 41
Appendix	42 - 46
Bibliografi	

Pendahuluan

Penulisan saya ini hanya berkisar pada perkembangan pendidikan di negeri Johor di antara akhir tahun-tahun 1920an dan 1930an. Satu perubahan besar berlaku pada tahun 1928 di mana pihak British telah mengambil peranan yang 'langsung' dalam menentukan perkembangan sekolah-sekolah di negeri itu. Dengan memperhatikan perkembangan yang berlaku setelah itu dapatlah kita menggambarkan serta meninjau dasar-dasar yang dijalankan oleh pihak British dalam bidang pendidikan dewasa itu.

Sejauh manakah usha-usha mereka itu berjaya? Apakah kesan-kesan yang timbul dari usha-usha yang mereka jalankan? Apakah dasar yang mereka jalankan itu mendatangkan kebaikan atau sebaliknya? Tandatanya seperti inilah yang menjadi dasar dalam usha saya menulis kertaskerja ini. Jawapan-jawapan yang tepat dan konkret tidaklah dapat saya berikan kerana ia hanya memerlukan penyelidikan yang lebih mendalam. Walau bagaimanapun tinjauan sepintas lalu akan saya berikan di bahagian akhir kertaskerja ini.

- 1 Emerson, R., Malaysia, A study in direct and indirect rule, 1964, n.s. 199
- 2 Ibid, n.s. 200
- 3 Ibid, n.s. 215
- 4 Thio, C., British Policy Towards Johore: From advice to control, 1937, n.s. 11.

I: Latar belakang Sejarah

Negeri Johor merupakan salah sebuah dari negeri-negeri yang tidak bersekutu di Tanah Melayu sebelum tahun 1948. Walau bagaimanapun hubungan di antara pihak British dengan kerajaan Johor adalah amat rapat. Dalam satu perjanjian pada tahun 1885 Maharaja Abu Bakar telah diakui oleh pihak British sebagai Sultan dan itu juga dasar perlindungan telah dikenakan ke atas negeri Johor.¹ Akan tetapi sistem Residensi sebagaimana yang terdapat di negeri-negeri lain di Tanah Melayu tidak dijalankan di negeri itu.² Mengikut Artikel III dalam perjanjian itu Johor terpaksa menerima seorang pegawai British yang hanya mempunyai kuasa sebagai seorang konsulet sahaja.³

Dalam pemerintahan Sultan Ibrahim pihak British mula memperhatikan pengaruh mereka dengan menghantar D.S. Campbell sebagai Penasihat Am separuh rasmi bagi negeri Johor pada tahun 1910.⁴ Beliau diganti pula oleh Sir Arthur Young pada tahun 1912. Pada 11 haribulan May tahun 1914 Sultan Ibrahim dikatakan telah menghantar sepucuk surat kepada gabenor negeri-negeri selat meminta supaya diadakan pindaan

1 Emerson, R., Malaysia, A study in direct and indirect rule, 1964, m.s. 199

2 Ibid, m.s. 200

3 Ibid, m.s. 215

4 Thio, E., British Policy Towards Johore: From advice to control, 1967, m.s. 11.

bagi artikel III dalam perjanjian 1885 untuk memberi tugas serta kuasa yang luas kepada Penasihat Ag British itu.⁵ Dengan itu juga satu perjanjian baru di antara pihak British dengan kerajaan Johor telah termaktub. Dalam perjanjian tersebut kerajaan Johor terpaksa menerima seorang penasihat British di mana 'nasihat-nasihatnya tentang pemerintahan negeri pada amnya mestilah diikut dan dijalankan, juga di atas perkara-perkara lain selain daripada hal-hal yang berkaitan dengan agama dan adat.'⁶ Dengan yang demikian pegawai tersebut juga diberi kuasa penuh dalam menyelenggarakan pungutan hasil-hasil pungutan dalam negeri tersebut. Sejak dari tarikh itu ramai pegawai-pegawai British telah dibawa masuk untuk mengendalikan pentadbiran kerajaan negeri Johor. Salah satu dari Jabatan-Jabatan yang ditubuhkan ialah Jabatan Pelajaran dan seorang pegawai telah dilantik sebagai Pengawas Pelajaran Negeri Johor. Tetapi, kesan-kesan dari perlantikan tersebut tidak dapat kita lihat setelah tahun 1928. Sebab-sebab mengapa keadaan ini berlaku tidaklah dapat dinyatakan dengan tepat. Saya kira sebelum daripada itu Jabatan ini hanya menghadkan fungsinya kepada perkembangan sekolah-sekolah Inggeris sahaja atau mungkin dengan sebab tiadanya pegawai yang benar-benar berkebolehan dalam memenuhi jawatan tersebut.

5 Thio, ibid m.s. 50. Emerson pula berpendapat bahawa Sultan telah mendapat tekanan dari pihak British dalam membuat perjanjian tersebut. Lihat, Emerson, ibid. m.s. 200.

6. Emerson, R. opcit. m.s. 206.

Memang sejak dari awal-awal lagi kita dapatti bahawa pemerintah negeri Johor mengambil berat tentang soal pendidikan. Sultan Abu Bakar, misalannya, telah mengambil perhatian yang berat dalam usaha memperkembangkan sekolah-sekolah bagi kanak-kanak perempuan di Telok Belanga di Singapura sejak dari tahun 1884 lagi.⁷ Sultan Ibrahim pula dalam tahun 1928 telah mengundang Mr. Cheeseman, seorang pegawai pelajaran yang berpengalaman dari Negeri-Negeri Selet, untuk menasaskan pentadbiran sekolah-sekolah di negeri Johor.⁸ Langkah ini amat penting dalam sejarah perkenbangan pendidikan di negeri Johor. Tetapi sebelum kita memperhatikan dengan lebih teliti tentang perkenbangan serta perubahan-perubahan yang berlaku setelah tahun 1928, saya rasa, ada baiknya kita melihat dulu keadaan pendidikan yang terdapat dalam negeri itu pada tahun 1927.

Untuk mendapatkan gambaran tentang keadaan sekolah-sekolah yang berada di bawah pentadbiran negeri Johor pada tahun 1927, kita boleh merujuk kepada laporan kerajaan Johor yang menyatakan bahawa terdapat 12 buah sekolah-sekolah yang berada di bawah pentadbiran negeri sendiri, tetapi, di Muar (3 buah) dan di Batu Pahat (3 buah) kewujudan perwajaan ditunjukkan di sekolah-sekolah tersebut di sekolah-sekolah yang masih belum dibuka.

Beri jurnal di bawah dapatlah kita garbakan tentang keadaan sekolah-sekolah di negeri Johor ketika itu.

7 Chelliah, D.D., A short History of Educational Policy in the Straits Settlements, 1960, m.s. 76.

8 Laporan Pendidikan di negeri Johor (1928-1933), Jabatan Pelajaran Negeri Johor, 1934. m.s. 1.

9 Tali-tali, Setiausaha Kerajaan Johor 1926, no. ruk. 1315/92/20.

10 Tali-tali, General Review, no. maj.1929, 62.

11 ~ Ibid ~